

Unit Ireka siap bina projek hospital pertama

KUALA LUMPUR, Ahad — City International Hospital yang diurus oleh unit Ireka Corp Bhd, Ireka Development Management Sdn Bhd, dijadual siap menjelang akhir 2012.

"Selari dengan pertumbuhan ekonomi, penjagaan kesihatan sosial merupakan antara keutamaan kami di Vietnam.

"Berdasarkan permintaan yang semakin meningkat untuk rawatan perubatan berkualiti di luar negara, projek itu merupakan pembangunan penjagaan kesihatan bersepadu pertama di Vietnam, yang akan

menyediakan persekitaran penjagaan kesihatan menyeluruh menerusi perkhidmatan, peralatan perubatan berteknologi tinggi sehinggalah kepada petugas perubatan profesional," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Lai Voon Hon dalam satu kenyataan hari ini.

Hospital itu ialah hospital umum pertama disiapkan di "Medical City" di hab perubatan terbesar Vietnam, Taman Penjagaan Kesihatan Teknologi Tinggi Antarabangsa.

Hospital itu yang dibangunkan

oleh Hoa Lam-Shangri-La Healthcare Ltd Liability Company, akan dilengkapi dengan kemudahan lain seperti makmal, sut perubatan, kawasan kediaman petugas, pusat pameran perubatan, pusat membeli-belah, pangsapuri perkhidmatan, sekolah antarabangsa dan rumah kelab residen.

Syarikat sekutu Ireka, Aseana Properties Ltd, menguasai kepentingan majoriti dalam Hoa Lam-Shangri-La Healthcare Ltd Liability Company. Hospital itu kini sudah 50 peratus siap. — Bernama